

# MB pertahan kenyataan

BH 18 APR 2000

PASIR PUTEH, Isnin — Menteri esar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengakui beliau memang baru dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja tetapi perkara itu bukan alasan beliau tidak mengetahui prosedur mesyuarat berkenaan.

Sehubungan itu, beliau tetap mempertahankan kenyataannya sebelum ini bahawa masalah perpaduan orang Melayu tidak pernah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja baru-baru ini.

Katanya, perkara itu seharusnya dirujuk dan dikeluarkan Sultan sendiri bukannya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Saya memang baca kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyangkal dakwaan saya berhubung perkara itu dalam akhbar.

“Dalam hal ini, masyarakat (orang ramai) sepatutnya perlu merujuk kepada kenyataan daripada seseorang Sultan bukannya Perdana Menteri bagi mendapatkan jawapan sebenar mengenai perkara itu,” katanya selepas merasmikan penubuhan Ar-Rahn Sistem Pajak Gadai Islam cawangan Pasir Puteh, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai kenyataan Dr Mahathir, Ahad lalu, dalam akhbar *Berita Minggu* yang menyangkal dakwaan beliau kononnya masalah perpaduan orang Melayu tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja baru-baru ini.